Bentuk minda kelas pertama

» *Raja Perlis mahu graduan politeknik hadapi cabaran berlandaskan pengetahuan, inovasi*

BH/13-3-13/N8/2/9/Ps - PTSS

Kangar

Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail, mahu graduan politeknik membentuk minda kelas pertama untuk menghadapi cabaran pembangunan ekonomi berlandaskan ilmu pengetahuan dan inovasi.

Baginda bertitah pencapaian akademik akan lebih bermakna jika mereka turut menghargai dan mengenang jasa ibu bapa dan pendidik yang melahirkan mereka sebagai seorang graduan.

Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail bergambar bersama dengan Penerima Anugerah Pengarah, Mohamad Shahrul Nizam Mat Rashid pada ***Majlis Istiadat Konvokesyen kali ke-7, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin*** *di Kangar, semalam.* [FOTO AMRAN HAMID / BH]

Jasa ibu bapa

"Kejayaan yang diterima hari ini akan kosong nilainya jika pengorbanan dan jasa ibu bapa mereka dilupakan," titah baginda ketika merasmikan konvokesyen Politeknik Tuanku Syed Sirajuddn, Ulu Pauh dekat sini, semalam.

Seramai 1,645 graduan bidang Perdagangan, Teknologi Maklumat, Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Elektrik, Pelancongan dan Hospitaliti serta Reka Bentuk dan Komunikasi Visual menerima diploma masing-masing pada konvokesyen itu.

Konvokesyen kali ketujuh itu berlangsung selama dua hari sehingga hari ini.

Tuanku Syed Sirajuddin bertitah, kegagalan menghargai jasa ibu bapa dalam kalangan cerdik pandai adalah cerminan sikap negatif segelintir golongan terpelajar sejak kebelakangan ini.

Sebagai contoh, baginda turut menceritakan kisah sedih seorang lelaki tua yang ditinggalkan anak dan menantunya yang masih muda dan adalah golongan terpelajar di sebuah pusat dialisis di Perlis, tahun lalu.

"Mereka meninggalkannya di pusat itu yang masih belum memulakan operasi harian dan selepas menerima rawatan lelaki itu menunggu anak dan menantunya sehingga pusat itu ditutup sebelum seorang pengawal keselamatan menemui lelaki itu bersama sepucuk surat di tepi parit berhampiran pusat itu.

Sengaja ditinggalkan

"Selepas membaca surat itu, akhirnya pengawal keselamatan menyedari bahawa lelaki itu sengaja ditinggalkan di situ dan anak lelakinya dalam suratnya mahu sesiapa yang membaca surat itu membantu menguruskan penghantaran bapanya kepada Jabatan Kebajikan," titah baginda.

Baginda berharap perkara seperti itu tidak berlaku lagi bagi memastikan minda kelas pertama golongan terpelajar akan lebih bermakna.

BERNAMA